



**KEMENTERIAN HAL EHWAL EKONOMI
KENYATAAN MEDIA**

PROJEK ECRL: KERAJAAN PERTAHAN KEPENTINGAN RAKYAT

Keputusan Kerajaan Persekutuan untuk menyemak semula dan meneruskan Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) merupakan tekad Kerajaan dalam mempertahankan kepentingan rakyat melalui penjimatan lebih RM 21 bilion. Hakikat ini membuktikan bahawa kepimpinan yang berintegriti, tegas serta mengamalkan tadbir urus yang baik, telus dan bertanggungjawab akan mencegah ketirisan dan kebocoran dalam pengurusan kewangan negara.

Keputusan ini dimuktamadkan antaranya dengan mengambil kira pandangan Kerajaan Negeri Selangor sepertimana yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 24 Januari 2018 untuk tidak membenarkan pembangunan jajaran ECRL melalui kawasan Permatang Kuartza, Gombak yang telah disenaraikan dalam Senarai Tentatif Warisan Dunia UNESCO. Justeru, keputusan Kerajaan Persekutuan ini bermakna pembinaan terowong sepanjang 18 kilometer merentasi kawasan Permatang Kuartza yang merupakan "*pure quartz dyke*" dapat dielakkan sekaligus mempertahankan faktor budaya, warisan dan alam sekitar. Jajaran baharu sejauh 640 kilometer berbanding jajaran dahulu sejauh 688 kilometer ini telah berjaya mengurangkan kos daripada RM95.5 juta kepada RM68.7 juta setiap kilometer.

Kerajaan Negeri juga sedia maklum akan bantahan dan aduan yang dikemukakan oleh penduduk tempatan memandangkan cadangan jajaran ECRL yang lama akan melalui kawasan hutan simpan di sempadan Selangor dan Pahang, kampung tradisi, kawasan perumahan dan komersial. Cadangan ini juga telah mengakibatkan kos pembangunan yang lebih tinggi memandangkan keperluan untuk meneroka kawasan hutan serta pengambilan kawasan komersial dan perumahan penduduk yang padat.

Justeru saya yakin, keputusan Kerajaan ini bukan sahaja dapat menjamin pembangunan prasarana sosial yang berkualiti untuk rakyat, bahkan ianya akan memacu pertumbuhan ekonomi, mencipta peluang pekerjaan serta membuka pelbagai peluang ekonomi dalam rangkaian nilai. Selain itu, keazaman Kerajaan untuk meneruskan projek ini akan meningkatkan taraf sosioekonomi rakyat serta meningkatkan kadar keterhubungan (*connectivity*) logistik dan rakyat.

DATO' SERI MOHAMED AZMIN ALI

Menteri Hal Ehwal Ekonomi

Putrajaya

16 April 2019